

SEJARAH TAHUN 5 UNIT 7 MINGGU 2

NAMA:

TAHUN 5:

TARIKH:

Objektif Pembelajaran

Kita dapat memahami peranan majlis raja-raja dalam pentadbiran negara

Kriteria Kejayaan

1. mengenal pasti peranan majlis raja-raja melayu
2. Menyatakan adat istiadat pertabalan Yang Di-Pertuan Agong
3. Kuiz



Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 bagi menggantikan Durbar. Majlis Raja-Raja dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri. Antara tugas utama Majlis Raja-Raja termasuklah melaksanakan pemilihan Yang di-Pertuan Agong.



Majlis Raja-Raja yang dianggotai oleh sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri.
(Sumber: Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja)

FASA-FASA PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Proses pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja secara tertib menunjukkan betapa pentingnya institusi Yang di-Pertuan Agong untuk negara kita.

Sebelum Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

Semasa Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

Selepas Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

Majlis Raja-Raja melaksanakan proses pengundian bagi pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang baharu.

Majlis Raja-Raja mengisytiharkan nama Yang di-Pertuan Agong.

Majlis Raja-Raja memperkenankan tarikh Mesyuarat Pemilihan.

Tonton Video Ini



ISTIADAT PERTABALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dimasyhurkan dalam majlis istiadat pertabalan yang penuh gemilang di Istana Negara.

1



2

3



4



5



Kedaulatan Yang di-Pertuan Agong jelas tergambar dalam istiadat pertabalan yang dilaksanakan. Kita harus menghargai keutuhan institusi Yang di-Pertuan Agong di negara kita.

(Sumber: Istana Negara dan Tabakan, Kerajaan Malaysia)

Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan yang disembahkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

Perdana Menteri membacakan **Watikah** Pengisytiharan di hadapan Yang di-Pertuan Agong pada majlis istiadat pertabalan.

Yang di-Pertuan Agong mengucap Keris Kerajaan sebagai Ketua Utama Negara pada majlis istiadat pertabalan.

Yang di-Pertuan Agong melafazkan ikrar untuk menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama pada majlis istiadat pertabalan.